

AMALAN PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI GURU TADIKA DI DAERAH MANJUNG

MUNIROH BINTI ABDUL WAHAB

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI GURU TADIKA DI DAERAH
MANJUNG**

MUNIROH BINTI ABDUL WAHAB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK(
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) Februari (bulan) 2024

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUNIROH BINTI ABDUL WAHAB, M20201000697, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI GURU TADIKA DI DAERAH MANJUNG

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:


Saya, Prof Madya Dr Abdul Halim bin Masnan, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI GURU TADIKA DI DAERAH MANJUNG

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak _____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17/ 2/2023.

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENDIDIKAN ALAM SEMULA JADI GURU TADIKA DI DAERAH MANJUNG
No. Matrik / Matric's No.: M20201000697
Saya / I: MUNIROH BINTI ABDUL WAHAB
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


SULIT/CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHADIRESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


(Tandatangan Pelajar / Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Prof. Madya Dr. Abdul Halim Masnan
Pusat Penyelidikan Anak-Kanak
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 2/10/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkekuasaan berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran kehadiran Ilahi kerana limpah kurnianya saya dapat menyelesaikan kajian ini. Saya mengucapkan sepenuh penghargaan kepada Professor Dr. Abdul Halim Bin Masnan-Penyelia disertasi yang banyak memberikan panduan dan nasihat bagi menyiapkan kajian ini. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian dan dokumentasi, kajian ini telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak daripada individu-individu berikut; guru-guru dan pengusaha, tiga buah Tadika Swasta di Daerah Manjung yang terlibat di dalam kajian ini, rakan-rakan sepengajian, yang banyak memberi bantuan dan semangat dan tidak lupa juga kepada ibu bapa, suami serta anak-anak yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah pertama untuk mengkaji pengetahuan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi kedua mengkaji strategi pengajaran guru tadika terhadap alam semula jadi dan ketiga mengkaji amalan pendidikan alam semula jadi yang dilaksanakan oleh guru, di tadika. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes. Peserta kajian terdiri daripada tiga orang guru dari tiga buah tadika swasta di Daerah Manjung, Perak. Data kajian diperoleh menerusi hasil pelbagai sumber termasuk temu bual separa berstruktur, pemerhatian serta analisis dokumen. Skop kajian ini terhad kepada guru tadika swasta yang menjalankan pendidikan alam semula jadi. Analisis kajian dijalankan dengan menggunakan pengkodan terbuka, pengkodan paksi dan pengkodan pilihan. Dapatan kajian pertama menunjukkan bahawa pengetahuan guru tadika berkaitan alam semula jadi adalah melalui kemahiran dan latihan yang dimiliki mereka. Dapatan kajian kedua adalah pendekatan kontekstual, bahan dan nilai murni merupakan komponen yang terlibat dalam strategi pengajaran pendidikan alam semula jadi. Dapatan kajian ketiga mendapati sebagai guru tadika, amalan pendidikan alam semula jadi yang diterapkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempengaruhi amalan kanak-kanak. Sumbangan kajian ini kepada negara adalah untuk melahirkan pendidik awal kanak-kanak dan generasi yang celik tentang kepentingan memelihara dan memulihara khazanah alam semula jadi untuk manfaat kehidupan masa akan datang. Selain itu, kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pengurusan tadika dan guru tadika, kajian ini bertujuan untuk menyokong pelaksanaan pendidikan alam semula jadi di peringkat tadika. Kesimpulannya, hasil kajian dapat dijadikan panduan bagi membantu guru tadika serta pihak pengurusan tadika untuk lebih yakin menjalankan pendidikan alam semula jadi di dalam atau di luar kelas tadika.





THE PRACTICES OF NATURE EDUCATION BY KINDERGARTEN TEACHERS IN MANJUNG DISTRICT

ABSTRACT

The aims of this study is firstly, to assess kindergarten teachers' knowledge of nature based activities, secondly to explore kindergarten teachers' teaching strategies regarding nature based education and thirdly, to examine the implementation of nature based education practice by teachers, in kindergarten. This study employs a qualitative approach with a case study design. The study participants consist of three teachers from three private kindergartens in Manjung District, Perak. Data gathered through various sources, including semi-structured interviews, observations, and document analysis. The scope of this study is limited to private kindergarten teachers who incorporate nature education. The study analysis was conducted using open coding, axial coding and selective coding. The first finding of the study indicates that kindergarten teachers knowledge of nature based education is acquired through their skills and training. The second finding is that a contextual approach, materials, and core values are components involved in the teaching strategies of nature-related activities. The third finding reveals that as kindergarten teachers, the practice of nature education incorporated into teaching and learning can influence children's practice. The contribution to the country is to produce early childhood educators and a generation that is knowledgeable about the importance of preserving and conserving the nature environment for future benefits. Furthermore, for the Ministry of Education Malaysia, kindergarten management, and kindergarten teachers, this study aims to support the implementation of nature education at the kindergarten level. In conclusion, the research outcomes can serve as a guide to assist kindergarten teachers and kindergarten management in confidently implementing nature education both within and outside the classroom.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 4

1.4 Objektif Kajian 7

1.5 Persoalan Kajian 7

1.6 Kerangka Konsep Kajian 8

1.7	Kepentingan Kajian	9
1.8	Skop dan Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Operational	13
1.9.1	Pendidikan alam semula jadi	13
1.9.2	Pengetahuan guru tadika	13
1.9.3	Strategi pengajaran	14
1.9.4	Amalan pendidikan alam semula jadi	14
1.10	Definisi Istilah Alam Sekitar	15
1.11	Rumusan	15

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	17
2.1.1	Pengetahuan guru tadika	18
2.1.1.1	Kemahiran	18
2.1.1.2	Latihan	19
2.1.2	Strategi pengajaran	21
2.1.2.1	Pendekatan kontekstual	22
2.1.2.2	Nilai Murni	24
2.1.2.3	Bahan	25
2.1.3	Amalan pendidikan alam semula jadi	26
2.2	Teori Strategi Pengajaran dan Pengetahuan Guru	28
2.2.1	Teori Pengetahuan Pedagogi Shulman	29
2.2.2	Teori Konstruktif Vygotsky	32

2.3 Kerangka Teori Kajian 33

2.4 Rumusan 34

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 36

3.2 Reka Bentuk Kajian 37

3.3 Sampel dan Lokasi Kajian 38

3.4 Instrumen Kajian 41

3.4.1 Pengumpulan data 41

3.4.2 Kesahan instrumen kajian 46

3.4.3 Kebolehpercayaan instrument kajian 47

3.5 Perlaksanaan Kajian 48

3.5.1 Pengendalian kajian 48

3.5.2 Borang temu bual 50

3.5.3 Senarai semak pemerhatian 51

3.5.4 Pengumpulan dokumen 51

3.5.5 Triangulasi 52

3.6 Pengkaji Sebagai Pemerhati 53

3.7 Kajian Rintis 54

3.8 Pentadbiran Kajian 56

3.9 Analisis Data 57

3.10 Rumusan 59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	61
4.2	Latar Belakang Peserta	62
4.3	Dapatan Kajian	63
4.3.1	Analisis peserta G1	64
4.3.2	Analisis peserta G2	70
4.3.3	Analisis peserta G3	77
4.3.4	Analisis pengetahuan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi	82
4.3.4.1	Kemahiran	82
4.3.4.2	Latihan	92
4.3.4.3	Proses analisis pengkodan pengetahuan guru tadika	101
4.3.5	Analisis strategi pengajaran aktiviti alam semula jadi	101
4.3.5.1	Pendekatan kontekstual	102
4.3.5.2	Nilai murni	115
4.3.5.3	Bahan	124
4.3.5.4	Proses analisis pengkodan strategi pengajaran	134
4.3.6	Analisis amalan pendidikan alam semula jadi yang dilaksanakan oleh guru tadika	134
4.3.6.1	Pendidikan alam	135
4.3.6.2	Proses analisis amalan pendidikan alam semula jadi guru tadika	146
4.4	Rumusan	146

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	148
5.2	Ringkasan Kajian	148
5.3	Perbincangan Dapatan Utama Kajian	150
5.3.1	Elemen pengetahuan guru tadika	150
5.3.2	Elemen strategi pengajaran	152
5.3.3	Elemen amalan dalam aktiviti alam semula jadi	154
5.4	Implikasi Kajian	156
5.5	Sumbangan Kajian	157
5.5.1	Sumbangan kepada negara	158
5.5.2	Sumbangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)	158
5.5.3	Sumbangan kepada prasekolah/tadika	158
5.5.4	Sumbangan kepada guru tadika	159
5.5.5	Sumbangan kepada kanak-kanak tadika	159
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	160
5.7	Kesimpulan	160
RUJUKAN		162
LAMPIRAN		169

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Tadika Swasta di Daerah Manjung oleh JPN Perak (2023)	38
3.2	Kesahan instrumen kajian oleh pakar	46
3.3	Kesahan instrumen temu bual oleh pakar	47
3.4	Pindaan yang dilakukan dalam soalan temu bual	55
3.5	Kod data peserta	58
3.6	Kod data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen	59
4.1	Ringkasan Profil Peserta	63
4.2	Proses Analisis Tema elemen Kemahiran	83
4.3	Data temu bual elemen kemahiran	84
4.4	Data pemerhatian elemen kemahiran peserta G1	85
4.5	Data pemerhatian elemen kemahiran peserta G2	86
4.6	Data pemerhatian elemen kemahiran Peserta G3	86
4.7	Proses analisis tema elemen latihan	93
4.8	Data temu bual elemen latihan	94
4.9	Ringkasan proses analisis pengetahuan guru tadika	101
4.10	Proses analisis tema elemen pendekatan kontekstual	102

4.11	Elemen pendekatan kontekstual	104
4.12	Data pemerhatian elemen pendekatan kontekstual peserta G1	106
4.13	Data pemerhatian elemen pendekatan kontekstual Peserta G2	106
4.14	Data pemerhatian elemen pendekatan kontekstual Peserta G3	107
4.15	Proses analisis tema elemen nilai murni	116
4.16	Data temu bual elemen nilai murni	117
4.17	Data pemerhatian elemen nilai murni Peserta G1	118
4.18	Data pemerhatian elemen nilai murni Peserta G2	119
4.19	Data pemerhatian elemen nilai murni Peserta G3	119
4.20	Proses analisis tema elemen bahan	125
4.21	Data temu bual elemen bahan	126
4.22	Data pemerhatian elemen bahan Peserta G1	127
4.23	Data pemerhatian elemen bahan Peserta G2	128
4.24	Data pemerhatian elemen bahan Peserta G3	129
4.25	Ringkasan proses analisis strategi pengajaran	134
4.26	Proses analisis tema elemen pendidikan alam	135
4.27	Data temu bual elemen pendidikan alam	136
4.28	Data pemerhatian amalan pendidikan alam Peserta G1	138
4.29	Data pemerhatian amalan pendidikan alam peserta G2	138
4.30	Data pemerhatian amalan pendidikan alam Peserta G3	139

4.31	Ringkasan proses analisis amalan pendidikan alam semula jadi guru tadika	146
------	--	-----

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konsep kajian	9
2.1	Sorotan Kajian	18
2.2	Kerangka Teori	34
3.1	Pentadbiran Kajian	56
4.1	Pengetahuan guru tentang arnab dan kura-kura (Pemerhatian G1)	85
4.2	Pengetahuan guru tentang penanaman sayur-sayuran (pemerhatian G2)	86
4.3	Pengetahuan guru tentang kitaran hujan (pemerhatian G3)	87
4.4	Aktiviti hands on dalam pendidikan alam semula jadi (pemerhatian G1)	106
4.5	Aktiviti mengutip daun dan ranting (pemerhatian G2)	107
4.6	Aktiviti hands on uji kaji air hujan (pemerhatian G3)	107
4.7	Bahan ranting, daun dan rumput (pemerhatian G1)	128
4.8	Bahan daun dan butang (pemerhatian G2)	128
4.9	Bahan Coca-cola dan krim pencukur (pemerhatian G3)	129
4.10	Amalan menggunting rumput (pemerhatian G1)	138
4.11	Amalan mengutip daun kering (pemerhatian G2)	139

4.12	Amalan bersyukur dalam pendidikan alam semula jadi (pemerhatian G3)	139
------	--	-----

SENARAI SINGKATAN

KSPK Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

RPH Rancangan Pengajaran Harian



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Penerangan dan Persetujuan Responden
- B Protokol Pemerhatian Aktiviti Alam yang Dijalankan oleh Guru (G1)
- C Ringkasan Bukti Dokumen
- D Protokol Temubual Guru (G1)





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Guru tadika adalah profesion yang penting dalam dunia pendidikan terutamanya pendidikan awal kanak-kanak. Guru tadika perlu mempunyai pelbagai pengetahuan dan kemahiran untuk mendidik kanak-kanak terutamanya pada zaman yang mencabar ini. Kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapat persekitaran yang bersih dan sihat supaya dapat membantu perkembangan dan pertumbuhan mereka dalam kehidupan. Oleh yang demikian, pendidikan alam semula jadi perlu diterapkan dari kanak-kanak yang berada di peringkat tadika lagi, bagi membentuk kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pemeliharaan dan kepentingan mengurus alam sekitar secara lebih berkesan. Peringkat awal pembelajaran kanak-kanak adalah merupakan tempoh yang penting terhadap perkembangan minda dan sosio-emosi yang bersifat kumulatif (Abdul Rahman, 2019). Bentuk pendidikan alam semula jadi tidak formal boleh berlaku sama ada secara langsung atau secara tidak langsung melalui interaksi antara individu dengan persekitarannya.





Guru berperanan serta perlu berkemahiran sebagai pendengar dan pemerhati dalam perubahan tingkah laku semasa program dan pendidikan alam semula jadi dijalankan. Guru hanya menjadi pembimbing dan membantu kanak-kanak mencetuskan idea dalam melakukan aktiviti dengan alam semula jadi. Guru juga bertindak dalam membuat keputusan bila dan bagaimana untuk melibatkan kanak-kanak apakah bentuk soalan yang akan dikemukakan bagi merangsang pemikiran dalam membina pengalaman kanak-kanak (Abdul Rahman et al., 2016). Ini mengesahkan perlunya guru mempunyai pengetahuan, keupayaan dan kecenderungan yang diperlukan untuk melibatkan kanak-kanak dalam pendidikan alam semula jadi (Green et al., 2022).

Pendidikan alam bukan hanya sekadar pembelajaran di tadika, tetapi seharusnya menjadikan satu amalan yang berterusan sepanjang hayat. Tumpuan pada tingkah laku alam semula jadi untuk masa hadapan yang mampan menekankan kecemerlangan kanak-kanak kecil sambil mereka mempelajari peranan orang dewasa (Beery et al., 2020). Segala bentuk pendidikan yang diterapkan semasa tadika boleh menjadi bekalan pada masa hadapan. Malah, Pembentangan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), telah menunjukkan bahawa kerajaan turut memberi tumpuan bagi mempercepatkan pertumbuhan hijau untuk kemampanan dan daya tahan supaya dapat udara yang bersih, melindungi aset semula jadi serta memperkukuhkan persekitaran. Ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan alam untuk disemai ke dalam jiwa kanak-kanak dari kecil supaya menjadi amalan dalam kehidupan mereka sehingga dewasa. Aktiviti alam seharusnya tidak dihadkan pada masa tertentu sahaja, malah sepatutnya aktiviti alam semula jadi, perlu dijadikan amalan setiap hari di tadika. Guru mempunyai tanggungjawab yang sangat penting dalam mengajar dan mendidik serta





perlu menerapkan ilmu yang bersifat pasti dan berguna dalam kehidupan kanak-kanak (Masnan et al., 2019).

1.2 Latar belakang Kajian

Guru tadika boleh memantau dan memberikan idea kepada kanak-kanak supaya mereka dapat lebih maklumat tentang aktiviti yang mereka lakukan. Seorang guru perlu mempunyai pengetahuan dan mengamalkan amalan yang baik untuk menggalakkan perkembangan sosio-emosi pelajar kerana perkembangan sosio-emosi yang sihat adalah asas yang kukuh untuk kesejahteraan dan kejayaan akademik kemudiannya (Mohamed et al., 2019). Perkara yang paling penting adalah melihat bagaimana kanak-kanak menghargai dan memelihara alam semula jadi sebagai satu khazanah negara yang dapat dijadikan sumber kepentingan dalam kehidupan seharian untuk manusia kini dan juga masa hadapan. Penting guru tadika memberi perhatian kepada kanak-kanak dan membuat aktiviti susulan terhadap tumpuan dan penerokaan mereka (Skalstad & Munkebye, 2021).

Penerapan elemen-elemen pengetahuan alam semula jadi melalui pengajaran dan pembelajaran dapat mengukuhkan dan menambah pembelajaran kanak-kanak terhadap alam semula jadi. Proses pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak dapat dinilai secara signifikan daripada interaksi dengan persekitaran mereka. Pendidikan alam semula jadi memerlukan suasana serta dorongan bagi aspek yang berkaitan dengan ilmu dan teori yang menyatakan tentang persekitaran, sosial dan pengetahuan tentang alam sekitar menerusi pendidikan alam semula jadi. Langkah ini diambil agar





masyarakat terdidik dengan kepentingan alam semula jadi, mengenal sebab dan akibat yang memberi kesan terhadap interaksi antara manusia dan alam semula jadi, seterusnya berupaya membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menguruskan alam sekitar (Abdul Rahman, 2019).

Pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan dengan terancang dan berstruktur dalam suasana yang tidak begitu formal, menyeronokkan dan bebas. Kanak-kanak belajar tentang alam semula jadi di tadika dengan pelbagai kaedah. Melalui aktiviti yang melibatkan alam semula jadi, kanak-kanak akan dapat menambah pengetahuan dan mendapat maklumat tentang hubungan kehidupan manusia dan alam semula jadi. Pembelajaran baharu yang diperoleh oleh kanak-kanak melalui pendidikan alam semula jadi ini dapat dibina berdasarkan teori konstruktif dengan mengolah dan menggabungkan idea dari pengetahuan sedia ada. Pengetahuan guru tadika dan strategi pengajarannya dapat memberi kesan terhadap tindakan amalan pendidikan alam semula jadi di tadika. Oleh itu, terdapat keperluan persediaan guru tadika terhadap penggunaan ruang alam secara efektif dan meningkatkan pengalaman kanak-kanak dalam alam semula jadi (Termiz & Semiz, 2018).

1.3 Pernyataan Masalah

Alam semula jadi adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan setiap manusia. Alam semula jadi yang tidak terancam dapat menjamin kesejahteraan kehidupan setiap manusia, namun, untuk memastikan alam ini terjamin memerlukan pengetahuan dan pendidikan yang sewajarnya dari kanak-kanak kecil lagi. Terdapat kajian menunjukkan





bahawa masa di luar sering dikurangkan atau dihapuskan kerana tekanan akademik (DeVecchio, 2021). Justeru, guru tadika perlu menyediakan suasana persekitaran yang dapat menyumbang kepada minat dan sikap ingin tahu kanak-kanak terhadap pembelajaran berkaitan alam semula jadi.

Dari aspek kanak-kanak, sekiranya tiada pendedahan awal tentang alam sekitar, natijahnya, mereka kurang berpengetahuan serta tidak berminat untuk berinteraksi dengan alam yang wujud di persekitaran semula jadi mereka (Abdul Rahman, 2019). Guru tadika perlu memainkan peranan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan perkembangan kanak-kanak dalam aktiviti alam semula jadi. Oleh kerana kehidupan manusia juga bergantung kepada alam semula jadi, seperti tumbuh-tumbuhan contohnya yang memberikan oksigen, oleh yang demikian, penting untuk guru tadika mendedahkan tentang pengetahuan alam semula jadi kepada kanak-kanak, termasuk bercerita serta bersoal jawab tentang apa yang mereka perhatikan dalam kehidupan harian mereka.

Matlamat utama adalah mencipta peluang supaya guru tadika dan kanak-kanak dapat meluangkan masa dalam suasana alam semula jadi (Myers, 2018). Persekitaran tadika yang tidak menyediakan peralatan serta tidak terdapat tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ruang luar yang terhad, menjejaskan pelaksanaan pendidikan alam semula jadi. Pengetahuan guru yang terhad juga mengakibatkan kanak-kanak kurang diberi peluang melaksanakan pendidikan alam semula jadi. Dari artikel yang ditulis oleh Jancarikova (2021), mendapati dapatan pengkajian sangat ketara menunjukkan bahawa orang dewasa sering memandang rendah terhadap kecekapan kanak-kanak kecil.





Pengisian dalam minda kanak-kanak yang kurang didedahkan dengan alam semula jadi akan menyebabkan sikap kurang ambil tahu tentang alam semula jadi, dan sekiranya berterusan dibiarkan sikap ini terus diamalkan hingga dewasa kelak. Kanak-kanak tidak akan menyatakan kesalahan yang kita lakukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana mereka tidak tahu lagi menilai sesuatu perkara yang betul ataupun salah (Masnan et al., 2019). Justeru, guru tadika bertanggungjawab untuk menyampaikan pendidikan alam semula jadi yang bermakna serta ilmu tersebut dapat digunakan sepanjang hayat mereka. Kurangnya penghargaan alam semula jadi daripada masyarakat boleh memberi kesan buruk terhadap usaha dan inisiatif pemeliharaan alam semula jadi, kanak-kanak yang tidak melihat nilai dan tidak menghargai alam semula jadi, kemungkinan tidak akan berusaha untuk memeliharanya atau terus menggunakannya (Lindsey, 2019).



Pembangunan dan teknologi yang semakin pesat pada zaman ini, mengakibatkan kesan kesedaran terhadap alam semula jadi yang semakin berkurangan. Kesejahteraan kanak-kanak terputus akibat daripada teknologi zaman moden yang digunakan oleh kanak-kanak (Myers, 2018). Oleh yang demikian, kanak-kanak kurang diberi pendedahan dan kurang berpengalaman tentang alam semula jadi. Teknologi memberi kesan yang ketara terhadap amalan pendidikan alam semula jadi di kalangan kanak-kanak (DeIVecchio, 2021). Kanak-kanak yang kurang menghabiskan masa di luar bilik darjah membesar dengan tidak mengetahui tentang alam semula jadi dan persekitaran di sekeliling mereka (Temiz & Semiz, 2018). Peluang untuk kanak-kanak berkeliaran tanpa pengawasan di kawasan semula jadi adalah pengalaman kanak-kanak yang jarang berlaku kerana kekurangan masa, takut akan keselamatan serta kekurangan pengetahuan oleh orang dewasa tentang alam semula jadi (Brusaferro, 2020). Sikap





mengamalkan rutin harian berkaitan pendidikan alam semula jadi kurang dipraktikkan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Abd Rahim (2020), dapatan kajiannya menunjukkan bahawa kanak-kanak terlibat dalam perbualan aktif dengan guru mereka semasa menjalankan aktiviti alam semula jadi. Oleh yang demikian, guru tadika perlu menjadikan pendidikan alam semula jadi sebagai suatu amalan dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas tadika.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji amalan pendidikan alam semula jadi guru tadika di Daerah Manjung. Secara lebih khusus, kajian ini berasaskan kepada objektif-objektif berikut:

1. Mengkaji pengetahuan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi.
2. Mengkaji strategi pengajaran guru tadika terhadap alam semula jadi.
3. Mengkaji amalan pendidikan alam semula jadi yang dilaksanakan oleh guru tadika.

1.5 Persoalan Kajian


Untuk mencapai objektif, kajian ini akan menjawab beberapa persoalan berhubung pengetahuan serta pengajaran guru tadika tentang amalan pendidikan alam semula jadi. Secara terperinci, persoalan-persoalan yang akan cuba dijawab dalam kajian ini ialah:



1. Apakah pengetahuan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi?
2. Bagaimanakah strategi pengajaran guru tadika terhadap alam semula jadi?
3. Sejauh manakah amalan pendidikan alam semula jadi yang dilaksanakan oleh guru tadika?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kajian adalah berdasarkan Teori Pengetahuan Pedagogi oleh Shulman, (1986) dan maklumat dari pengkaji lepas yang memfokuskan pengalaman dan amalan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi. Teori Pengetahuan Pedagogi menekankan gabungan pengetahuan pengajaran serta pengetahuan kandungan yang diperoleh oleh seseorang guru. Pengetahuan yang mendalam sahaja tidak mencukupi bagi mencapai kefahaman kanak-kanak, guru perlu mentransformasikan pengetahuan yang ada dalam minda mereka kepada pengetahuan untuk pengajaran (Zakaria et al., 2021). Sehubungan dengan itu, guru tadika sentiasa perlu bersedia dan melengkapkan diri dengan pengetahuan tentang topik alam semula jadi supaya dapat mengajar dengan penuh pengetahuan. Guru tadika memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran sehingga dapat dilihat perubahan pada tingkah laku kanak-kanak terhadap alam. Rangka konsep bagi kajian ini adalah seperti dalam rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Implikasi dari kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman dan persepsi kanak-kanak berkenaan alam semula jadi dapat diperkembangkan dengan pelbagai aktiviti seperti membezakan benda hidup dan bukan hidup, memerhati, mengelaskan dan membandingkan haiwan serta tumbuh-tumbuhan dan juga menyiasat cahaya matahari yang berpandukan kurikulum standard tadika kebangsaan. Pendidikan alam semula jadi yang dipelajari dapat dikongsikan dengan rakan-rakan lain sama ada dalam atau luar kelas. Saya percaya implikasi penemuan ini berfungsi sebagai satu titik refleksi diri dan amalam kita terhadap alam semula jadi. Dalam pendidikan masa kini perlu menggunakan alam semula jadi sebagai satu aktiviti pembelajaran yang bermakna dalam kehidupan kanak-kanak. Pengetahuan mengenai kajian ini akan menunjukkan interaksi hubungan yang kompleks antara kanak-kanak, guru dan alam. Seseengah kanak-kanak tadika mempunyai idea yang agak standard terhadap alam semula jadi, malah boleh menyatakannya dengan jelas (Jančaříková, 2021). Kanak-kanak mempunyai kelebihan jika diberi peluang untuk memperoleh pengalaman dan meluahkan persepsi sendiri berkaitan alam semula jadi. Guru juga memainkan peranan



yang penting dalam menyampaikan ilmu kepada kanak-kanak tadika (Abu Yazid et al., 2021).

Seorang guru dapat memberi pengajaran yang baik manakala, kanak-kanak pula akan memahami dan mudah untuk belajar (Desmond, 2019). Kajian ini dapat berfungsi sebagai platform untuk memberikan petunjuk kepada pendidik, iaitu pendidikan alam semula jadi menilai kewujudan identiti ekologi dalam program mereka (Brusaferro, 2020). Pengajaran guru dalam suasana alam semula jadi dapat memupuk perkembangan menyeluruh kanak-kanak yang merangkumi fizikal, intelek, emosi dan kerohanian semasa berhubung dengan alam semula jadi serta dapat menghayati pembelajaran mereka (Abd Rahim, 2020). Guru yang memahami tingkah laku kanak-kanak dapat mengenal pasti minat mereka dan fokus lebih mendalam tentang topik tersebut (Abdul Rahman et al., 2016).



Melalui pendidikan alam semula jadi, kanak-kanak akan berfikir, merasa alam, menilai dengan melihat kejadian alam. Interaksi positif yang kerap dengan alam semula jadi dapat membantu kanak-kanak menimbulkan keprihatinan terhadap persekitaran semula jadi, dengan melakukan aktiviti alam semula jadi memberi asas untuk pendidikan alam semula jadi yang berkesan semasa mereka kecil. pengajaran dan pembelajaran yang menghubungkan isi pelajaran dengan dunia sebenar, merupakan proses interaksi yang berkesan (Desmond, 2019). Aktiviti menjaga alam semula jadi boleh dijadikan suatu amalan dalam kehidupan kanak-kanak, sekiranya mereka diberi pendidikan yang sewajarnya. Menilai sepenuhnya dan memanfaatkan faedah pengajaran berasaskan alam semula jadi dapat memberi pengetahuan kepada semua kanak-kanak (Kuo et al., 2019). Pendidikan alam semula jadi perlu diterap sejak kanak-





kanak di tahap tadika lagi. Persekitaran semula jadi adalah tempat yang sempurna untuk kanak-kanak memperoleh pengalaman dalam pembelajaran dan meneroka alam semula jadi.

Pengajaran dan penglibatan guru tadika dalam pendidikan alam semula jadi adalah untuk memberi pengetahuan kepada kanak-kanak tadika tentang alam. Amalan yang dilaksanakan oleh guru tadika akan memberi kesan terhadap minat dan perkembangan kanak-kanak tadika. Albert Bandura menyatakan bahawa persekitaran kanak-kanak membentuk pembelajaran, tingkah laku dan perkembangan manusia. Perspektif ini mendorong guru tadika dan pihak tadika beranggapan bahawa kanak-kanak memperoleh dan mengembangkan pengetahuan baru dengan bertindak balas terhadap persekitaran mereka. Oleh itu, adalah penting untuk memahami bagaimana amalan guru tadika menyumbang kepada interaksi yang bermakna dengan kanak-kanak di dalam kelas (Qi, 2022).

Setiap kanak-kanak adalah unik, mereka dapat berinteraksi dengan alam dengan cara mereka sendiri. Namun, keupayaan untuk bertindak balas terhadap alam semula jadi dengan kaedah yang betul memerlukan kanak-kanak untuk mengikuti pendidikan alam semula jadi bersama guru dan rakan-rakan mereka. Penerapan pendidikan alam perlu dipupuk sejak kecil dan menjadikannya sebagai suatu amalan bagi kanak-kanak sehingga dewasa. Bersoal jawab adalah salah satu cara mendapatkan maklumat yang diperlukan dan ini merupakan peranan dalam proses pembelajaran kanak-kanak (Skalstad & Munkebye, 2021).



Pembelajaran alam semula jadi menawarkan penyelesaian alternatif kepada krisis dalam pendidikan awal kanak-kanak dan sebaliknya menyediakan keseimbangan pembelajaran yang sesuai dari segi perkembangan berpusatkan kanak-kanak, bersepadu dan yang baharu muncul untuk kanak-kanak kecil (Lindgren, 2020). Melalui pengalaman kanak-kanak menyertai aktiviti di tadika, mereka dapat menggunakan pelbagai idea tentang alam semula jadi. Aktiviti dari bahan alam semula jadi ini dapat menjadi sesuatu yang boleh memberikan mereka pengukuhan terhadap aktiviti yang dijalankan di tadika. Implikasi ini akan memberi maklumat kepada pendidikan tinggi untuk menawarkan kursus yang membincangkan faedah menjalani pendidikan, pembelajaran serta aktiviti alam semula jadi. pengkajian semasa, menambah pemahaman persepsi dan perspektif kanak-kanak terhadap alam sekitar. Mereka mula belajar, meneroka dan berinteraksi dengan segala-galanya dalam persekitaran mereka dari awal (Temiz & Semiz, 2018). Dari pemerhatian yang dilakukan menambah pengkajian ilmiah tentang bagaimana pengetahuan guru tadika terhadap aktiviti alam semula jadi di sekeliling mereka memenuhi tuntutan akauntabiliti yang semakin meningkat dan tekanan yang datang.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan bertujuan bagi melaksanakan pendidikan yang melibatkan alam semula jadi dengan berdasarkan pengetahuan guru tadika serta strategi pengajarannya. Skop kajian ini tertumpu kepada guru tadika swasta yang mengajar kanak-kanak antara 5 dan 6 tahun. Skop kajian juga tertumpu kepada mengenal pasti amalan guru yang melibatkan pendidikan alam semula jadi yang dijalankan di tadika. Guru yang terlibat

dalam kajian ini adalah guru tadika yang berpengalaman lima tahun dan ke atas dalam pendidikan awal kanak-kanak. pengkajian ini hanya melibatkan tadika swasta di Daerah Manjung, Perak.

1.9 Definisi Operational

Dalam kajian ini definisi operational yang berkaitan iaitu pendidikan alam semula jadi, pengetahuan guru tadika, strategi pengajaran guru tadika dan amalan pendidikan alam semula jadi.

Pendidikan alam semula jadi, merupakan suatu sistem kehidupan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang wujud dalam satu ekosistem pengurusan manusia sejak zaman dahulu lagi (Lindsey, 2019). Dalam kajian ini pendidikan alam semula jadi merujuk kepada pengajaran dan pembelajaran yang berlaku secara langsung dan tidak langsung, berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan, haiwan serta kejadian alam.

1.9.2 Pengetahuan guru tadika

Munawir (2021), menyatakan definisi proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah dapat ditafsirkan sebagai satu perkembangan ilmu



pengetahuan dan pengalaman oleh kanak-kanak untuk memahami selok belok kehidupan yang akan disampaikan oleh guru tadika. Dalam kajian ini, pengetahuan guru tadika bermaksud kemahiran serta latihan terhadap alam semula jadi yang diperoleh oleh guru dapat mempengaruhi tingkah laku dan penyampaian pengajaran kepada kanak-kanak secara langsung atau tidak langsung.

1.9.3 Strategi pengajaran

Menurut Desmond (2019), pengajaran adalah pemilihan kaedah dan strategi bagi menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan media dalam membantu kanak-kanak mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, strategi pengajaran guru bermaksud proses secara langsung dan tidak langsung yang berkaitan dengan pendekatan kontekstual, nilai murni dan bahan yang digunakan dalam pendidikan alam semula jadi di tadika.

1.9.4 Amalan pendidikan alam semula jadi

Amalan pendidikan alam semula jadi nampaknya terletak pada idea bahawa masyarakat boleh diyakinkan dengan baik tentang kepentingan pemuliharaan alam semula jadi dan didorong untuk bertindak dengan menekankan nilai hedonik dan nilai moral dalam alam semula jadi (Riyan et al., 2018). Dalam kajian ini, amalan pendidikan alam semula jadi adalah tindakan kanak-kanak dan guru tadika dalam memelihara dan menjaga tumbuh-tumbuhan, haiwan serta bersyukur dengan kejadian alam.





1.10 Definisi Istilah Alam Sekitar

Alam sekitar atau persekitaran bermaksud faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia termasuk tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor sosial yang saling bergantung sesama sendiri, di antara faktor-faktor biologi dengan faktor-faktor fizikal (Mustafar et al., 2020). Menurut Abdul Rahman (2019), alam sekitar meliputi ekologi asas, jalinan hubungan antara benda hidup dengan benda bukan hidup serta isu-isu berkaitan pencemaran alam.

1.11 Rumusan

Bab ini menerangkan tentang rangkuman kajian seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, rangka konsep, dan beberapa istilah penting dalam kajian ini memberikan gambaran jelas berkaitan keseluruhan kajian. Adalah dinyatakan bahawa, pengajaran dan pembelajaran terhadap pendidikan alam semula jadi, bukan sahaja penting dalam tadika malah, memberi kesan positif kepada alam dan kehidupan masa kini dan masa hadapan. Disebabkan oleh faktor pendidikan zaman sekarang fokus terhadap strategi pengajaran guru tadika yang melibatkan alam semula jadi, memberikan kesan kepada tindakan kanak-kanak tentang alam semula jadi yang boleh dijadikan sumber dalam kehidupan masa sekarang mahupun, akan datang. Bukti menunjukkan bahawa pengalaman alam semula jadi membantu kanak-kanak memperoleh beberapa kemahiran, sikap dan tingkah laku yang paling diperlukan dalam abad ke-21 (Kuo et al., 2019). Justeru, amatlah penting bagi aktiviti pendidikan untuk melihat kembali beberapa aspek untuk ditambah baik agar





pengetahuan guru yang berteraskan alam semula jadi dapat dijadikan satu amalan dalam kehidupan seharian mereka.

